

GEJALA BULI DI MANAKAH KESUDAHANNYA?

Oleh Amirah Abd Rahman

SEJAK belakangan ini, kes buli di negara kita kian menjadi-jadi, seperti wabak denggi yang tidak dapat dibendung. Pelbagai formula digunakan untuk menanganinya. Boleh dikatakan bahawa setiap minggu ada sahaja paparan baharu yang akan ditular melalui telefon pintar atau web, seperti YouTube. Gejala ini ibarat kata pepatah, mencurah air di daun keladi, kerana sehingga kini perilaku ini kian sukar diatasi permasalahannya.

Menurut laporan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan, dari tahun 2012 hingga 2015, dicatatkan lebih daripada 14 ribu kes buli berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Pecahannya mengikut tahun ialah 4159 kes (2012), 4120 kes (2013), 2825 kes (2014), dan 2968 (2015). Berdasarkan statistik CyberSecurity Malaysia pula, buli siber dalam kalangan pelajar berlaku hampir setiap hari, iaitu 250 kes dilaporkan pada tahun 2012, 389 kes (2013), 291 kes (2014), 256 kes (2015) dan 338 kes (2016).

Hal ini menunjukkan bahawa akibat daripada perubahan masa dan kepesatan kemajuan teknologi, skop pemuliharaan tidak hanya berlaku dalam bentuk fizikal di

tempat seperti sekolah, asrama, universiti, atau tandas, malah telah meluas sehingga alam maya. Situasi ini menampakkan bahawa masalah ini kian membesar keseriusannya untuk diatasi.

Kita sedia maklum bahawa adegan membuli ini berakar sejak sekian lamanya. Aktiviti membuli ini popular dalam kalangan pelajar yang belajar di asrama. Motifnya, kononnya, untuk mendidik pelajar baharu tentang peraturan yang perlu dipatuhi di asrama selain membiasakan mereka untuk hidup berdikari. Aktiviti ini ada baik dan buruknya, tetapi sejak akhir-akhir ini ketika zaman yang kini dipelopori generasi Z, gejala buli menghilangkan kebaikan, malah menonjolkan sikap buas golongan ini.

Yang lebih tragis, kes buli kini menyebabkan banyak remaja dan kanak-kanak berisiko untuk menghabiskan sisa hidup mereka di penjara juvenil atau pusat pemulihan akhlak. Hal ini terjadi kerana kes melibatkan sekumpulan remaja membuli sehingga membawa kematian, selain mendatangkan kecederaan parah dan cacat kekal yang sudah terbiasa dihidangkan di dada akhbar. Yang lebih



mendukacitakan, perilaku ini turut dilakukan oleh mereka yang berumur 12 tahun ke bawah.

Bukan itu sahaja, dengan sikap sebenar generasi Z yang dikatakan hidup dalam dunia teknologi dan perubahan minda yang pesat ini, pembuli bukan sahaja dilakukan oleh golongan lelaki, tetapi telah merebak kepada golongan hawa yang mencatatkan pandangan dan persepsi masyarakat akan "kewanitaan" mereka.

Menurut pensyarah Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr. Rozmi Ismail, pembuli menjadi sedemikian kerana mereka mengalami masalah emosi dengan kurang rasa empati, kurang keyakinan, menggunakan kekerasan untuk membalas dendam dan mengalami masalah interaksi. Hasil kajian juga mendapati bahawa pembuli selalunya datang daripada keluarga yang bermasalah, seperti penceraian, ibu bapa yang suka bertengkar atau bergaduh di hadapan anak sehingga menyebabkan anak tersebut beranggapan bahawa perilaku tersebut sebagai sebahagian daripada norma kehidupan.

Jelas Dr. Rozmi, bagi pembuli, perilaku membuli, seperti memukul, memaki hamun atau bergaduh, ialah perkara yang biasa dalam kehidupan harian mereka kerana mereka telah terbiasa disajikan dengan sepak terajang dan bertikam lidah oleh keluarga atau rakan terdekat. Oleh hal yang demikian, faktor ini menyebabkan pembuli tidak mempunyai perasaan bersalah atau sedih sekiranya hal ini berlaku, malah merasakan bahawa hal ini perkara kecil.

Faktor lain yang mendorong perilaku buli ialah pengaruh daripada keadaan sekeliling, media, filem, televisyen serta internet. Yang lebih parah ialah apabila ada ibu bapa atau rakan dan dirinya sendiri terjebak dengan najis dadah secara terlarang. Penyebab ini menjadi faktor yang mendorong pembuli ini untuk bertindak agresif terhadap mangsanya.

Dewasa ini jika diperhatikan, golongan belia dan remaja di negara ini gemar untuk meniru aksi yang ditonton melalui YouTube atau filem tempatan dan luar negara. Apabila tiada sekatan

yang dilakukan oleh pihak berwajib, pemikiran golongan ini "beranggapan" bahawa tindakan yang ditonton itu perkara biasa dan sesuatu yang boleh dijadikan ikutan. Oleh sebab itu, mulalah aksi seperti mendera rakan yang lebih lemah dan memukul rakan sebaya walaupun perkara yang digaduhkan itu tidak munasabah. Yang lebih kejam menggunakan senjata tajam demi kepuasan diri.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM),

mereka menjangkakan bahawa kes jenayah buli siber akan meningkat jika filem berunsur ganas dalam internet tidak disekat. Jelas Ketua Pegawai Sektor Keselamatan Rangkaian, Pemantauan Media Baharu, Pematuhan dan Advokasi SKMM, Dr. Mazlan Ismail, filem berunsur keganasan akan mempengaruhi pemikiran anak muda dan menyebabkan jenayah buli dalam kalangan rakyat di negara ini meningkat dari tahun ke tahun. Selain itu, kewujudan laman web yang tidak mengehadkan umur

penyanyinya menyebabkan usaha Lembaga Penapisan Filem menapis adegan ganas untuk mengekang keganasan dilihat tidak berhasil.

Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2015 mendapati bahawa kira-kira 4.2 juta rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas, atau 29.2 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini, mengalami pelbagai masalah mental. Statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak 11.2 peratus berbanding dengan tahun 2006. Selain itu, nisbah masalah mental golongan pelajar telah meningkat daripada satu dalam 10 orang pada tahun 2011 kepada satu dalam lima individu pada tahun 2016.

Yang lebih membimbangkan, menurut Profesor Datin Dr. Noran Fauziah Yaakub, pensyarah dan pakar psikologi, Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya, daripada 5000 kanak-kanak di seluruh Malaysia yang ditemuinya yang juga mangsa buli, dua kes mangsa buli berniat untuk membunuh diri. Kekhawatiran akan permasalahan ini seharusnya dipandang

Perbezaan antara buli siber dengan buli yang lain

- Pembuli siber sukar untuk dikenal pasti kerana mereka boleh merahsiakan identiti sebenar.
- Pembuli siber tidak seperti pembuli yang lain kerana berlaku dalam dunia siber yang tiada sempadan. Hal ini menyukarkan mangsa untuk melindungi diri mereka.
- Pembuli siber lebih mudah bersekolok berbanding dengan pembuli jenis lain kerana bilangan individu yang boleh turut serta tidak dihadkan dalam dunia siber.
- Buli siber boleh berlaku selama-lamanya, iaitu 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan 365 hari setahun.



Cara mencegah buli siber

- Amalkan keselamatan internet.
- Didik anak anda atau pelajar tentang keselamatan internet dan etika melayari internet atau menggunakan telefon yang betul.
- Jangan kongsi butiran peribadi anda di internet.
- Awasi Nada dan makna mesej yang ditulis boleh disalah tafsir.
- Tindakan menghantar atau memanjangkan mesej kesat atau berunsurkan ancaman adalah tidak wajar dan boleh menyalahi undang-undang.

Tanda buli siber

- Tekanan emosi semasa atau selepas menggunakan internet.
- Pengasingan diri daripada rakan dan ahli keluarga.
- Bertindak untuk menjauhkan diri daripada perhimpunan sekolah atau kumpulan.
- Keciciran gred dan mudah marah apabila berada di rumah.
- Perubahan emosi, tingkah laku, tidur, atau selera makan.
- Mahu berhenti menggunakan komputer atau telefon bimbit.
- Gelisah apabila mendapat mesej teks atau e-mel.
- Pengelakan diri daripada perbincangan mengenai aktiviti komputer atau telefon bimbit.

bermanfaat kepada kanak-kanak dan remaja menyebabkan mereka mudah terpengaruh. Kerajaan dan pihak swasta harus bersama-sama mengehadkan siaran hiburan yang tidak membawa nilai positif kepada masyarakat dan menekankan ilmu pendidikan, kekeluargaan, dan kasih sayang dalam program atau cerita yang mampu untuk membangkitkan nilai murni kepada penonton, khususnya kanak-kanak dan remaja.

Tidak ketinggalan, peranan komuniti setempat juga dapat mengurangkan isu ini. Apabila komuniti setempat aktif menganjurkan pelbagai program kekeluargaan, hal ini akan menyebabkan keluarga yang pasif atau remaja yang kurang berminat dalam aktiviti

kemasyarakatan terdorong untuk terlibat melalui pelibatan rakan sebaya mereka.

Kesemua tindakan ini, jika diselenggarakan dengan baik, pasti akan memperoleh keputusan yang positif kerana mendidik tidak semestinya perlu melalui hukuman. Kita perlu ingat bahawa penerimaan, pemikiran, dan kematangan golongan remaja pada zaman ini tidak sama seperti yang dilalui oleh mereka yang berada pada era 90-an atau sebelumnya. Tindakan tersebut harus sejajar dengan keadaan perubahan semasa yang membolehkan golongan pembuli ini atau golongan remaja tidak teras terkongkong, terpaksa, atau terhukum, tetapi lebih merelakan diri untuk berubah demi masa hadapan yang lebih baik.